



JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan, Pusat Kontraktor (PKK) atau Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) yang masih sah tempoh lakunya bagi meyertai sebut harga berikut :-

TAWARAN SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN MENCUCI DAN MENANDA SEMPADAN LUAR HUTAN SIMPANAN KEKAL DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA.

Bil	No. Tawaran Sebutharga	HSK	Jarak (KM)
1	JPNK/KN/UPSH/SH/02/2021	BUKIT HANTU	20.18
2	JPNK/KN/UPSH/SH/03/2021	SUNGAI BROK	69.45
3	JPNK/KN/UPSH/SH/04/2021	ULU SAT	55.08

2. Syarikat-syarikat yang ingin untuk turut serta dalam sebut harga ini adalah dikehendaki mendaftar dengan ePerolehan Jabatan Kewangan Negeri Kelantan. Hanya syarikat-syarikat yang telah mendaftar dengan ePerolehan boleh mendapatkan borang sebutharga melalui Unit Pembangunan, Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan.

3. Borang sebutharga akan dijual dengan harga sebanyak RM50.00 untuk setiap sebutharga dan dibayar di dalam bentuk Wang Pos Malaysia atau Draf Bank berpaling di atas nama **“PENGARAH PERHUTANAN NEGERI KELANTAN”**.

4. Syarikat-syarikat yang ingin membeli Borang Sebutharga dikehendaki membawa SIJIL PENDAFTARAN (Asal) dari Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) serta Resit Bayaran Kontraktor dengan Jabatan bermula tarikh **18 Julai 2021** sehingga tamat tempoh sebutharga ini. Salinan Fotostat Sijil Pendaftaran KKM tidak akan diterima.

5. Dokumen sebutharga yang telah siap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta ditulis **NOMBOR SEBUTHARGA** di sudut sebelah kiri bahagian atas sampul surat tersebut dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga yang disediakan di:

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN HUTAN
JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN
BLOK 5, TINGKAT 1, KOTA DARUL NAIM,
15503 KOTA BHARU, KELANTAN**

6. Tawaran sebutharga ini **tidak akan dipertimbangkan** sekiranya:

- i. Kontraktor **GAGAL** membawa **dokumen-dokumen di para (4)**;
- ii. Kontraktor **LEWAT** menyerahkan **Borang Tawaran yang lengkap** ke dalam peti sebutharga pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan.

7. Tarikh tutup bagi tawaran di atas ialah pada jam **12.00 tengahari, 28 Julai 2021**. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Pihak Jabatan tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.

A handwritten signature in black ink, consisting of several loops and a long horizontal stroke extending to the right.

**TIMBALAN PENGARAH PERHUTANAN (PEMBANGUNAN) NEGERI
KELANTAN DARUL NAIM**

Tarikh : 12 Julai 2021